

Zuraida berkata, beliau juga bersetuju sekiranya kerajaan berhasrat mengkaji laporan PBB itu untuk dibuat perbandingan.

"Pihak berkenaan harus duduk, kaji semula kedua-dua laporan bagi melihat persamaan yang ada dan dari situ baru boleh tahu peratusan sebenar kadar kemiskinan di Malaysia," katanya.

Mengenai program Kayuhan Wanita yang mengangkat penyanyi terkenal Datuk Seri Siti Nurhaliza Taruddin sebagai Ikon Selebriti Kayuhan Wanita, Zuraida berkata ia program pertama di bawah Dasar Komuniti Negara yang menjadikan aktiviti sukan sebagai wadah mewujudkan persekitaran berkualiti dan memperkasa aktiviti komuniti.

Program pada 26 Oktober ini di Monumen Alaf Baru, Putrajaya menyasarkan penyertaan seramai 3,000 peserta untuk berkayuh sejauh 20 kilometer, katanya. - BERNAMA